

## LATIHAN MEMAHAMI SAJAK

NAMA: \_\_\_\_\_

- a. Padankan rangkap sajak dengan maksud yang betul.

<p>Ketika menaiki bas aku melangkah perlahan-lahan kupanjatkan doa kepada tuhan semoga selamat dalam perjalanan</p>	<p>Ketika membeli juadah di kantin, aku perlulah berbaris menunggu giliran. Jika bertolak-tolakan mungkin akan menyebabkan makanan tertumpah.</p>
<p>Ketika membeli juadah di kantin aku berbaris menunggu giliran tidak mahu bertolak-tolakan perbuatan tersebut membawa padah juadah kubeli mungkin tertumpah</p>	<p>Ketika bermain di padang, aku mestilah mengamalkan aspek keselamatan. Jika tidak mahu berlaku perkara yang tidak diinginkan, kita mestilah berhati-hati.</p>
<p>Ketika bermain di padang aspek keselamatan aku utamakan tidak mahu mengundang tragedi perlu lebih berhati-hati</p>	<p>Ketika menaiki bas, aku perlulah melangkah dengan perlahan dan berdoa agar selamat sampai ke destinasi yang ingin dituju.</p>

- b. Baca sajak di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Suatu ketika dahulu  
di sinilah burung belajar terbang  
gajah berkeliaran  
monyet bergayutan  
memetik buah-buahan hutan

Suatu ketika dahulu  
di sinilah pohon-pohon hijau merimbun  
segar disirami embun  
bunga pelbagai warna  
mekar indah memukau mata

Namun masa mengubah segalanya  
keadaan di sini jauh berbeza  
manusia yang tamak haloba punya angkara  
hutan yang banyak berjasa  
dimusnahkan begitu sahaja

1. Nyatakan keadaan pohon-pohon hijau merimbun dalam sajak ini.

---

---

2. Hutan yang telah banyak berjasa telah dimusnahkan oleh

---

---

3. Pada pendapat kamu, bagaimanakah cara hendak melindungi hutan di negara kita?

---

---

---